

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/sumber-semakin-terhad-guna-air-secara-berhemah-171823>

1 April 2018

Sumbersemakinterhad, guna air secaraberhemah



ZAINI UJANG: PelanIndukTeknologiHijau (GTMP) dicadanguntukmeningkatkankekanalanteknologimesraalam pada masa akandatang - Foto AWANI Rangers UTHM

BATU PAHAT: Demi mengekalkankelestarianalamsemulajadipelbagai langkahperlu diambiluntukmerealisasikan.

Antaranyaialahdenganmenyemaisikapberhemahsemasamenggunakan air keranasumbernyasemakinberkurangseiringdenganperedaran masa.

DemikianpesananKetuaSetiausahaKementerianTenaga, TeknologiHijaudan Air, Datuk Seri Dr. Ir. ZainiUjangberkenanisutarif air yang sediaadapada program Sesi Dialog TN50 dan GTMP yang diadakanpada 11 Mac lalubertempat di Dewan Sultan Ibrahim, UniversitiTun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Katanya, bagimengatasimasalah air, penstrukturansemulatarif air perludilakukan.

Bagi golongan yang berkemampuan tarif air tanpa subsidi perlu dikekalkan manakala bagi golongan yang kurang berkemampuan pula bakal mendapat subsidi air dari kerajaan di bawah had yang telah ditetapkan.

Menurut Zainilagi, langkah ini bertujuan memberikeseedaran kepada rakyat agar berjimat cermat dalam penggunaan air.

Hal ini kerana simpanan air yang ada pada masa kini adalah amat sedikit, malah mencadangkan 'simpanan sungai' perlu diwujudkan bagi menampung keperluan pengguna.

Jelas beliau, lokasi 'simpanan sungai' yang ada kini hanya terdapat di Pulau Langkawi, Negeri Sembilan dan Melaka manakala di Johor pula bakal menyusul dalam masa terdekat.

Isu lain yang turut disentuh beliau ialah tentang peningkatan gas karbondioksida.

Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP) dicadangkan untuk meningkatkan teknologi mesra alam pada masa akan datang bertujuan mengurangkan kesankarbon demi keselamatan bumi.

Beliau pada masa sama menyeru masyarakat agar bersama-sama melindungi dan menjaga alam sekitar agar generasi akan datang masih dapat menikmati apa yang dinikmati hari ini.

*Laporan ini disediakan oleh Awani Rangers, Titi Aryani Togi dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan disunting oleh Suriyati Baharom.

**Awani Rangers ialah inisiatif Astro AWANI bagi menggalakkan pelajar Institut Pengajian Tinggi untuk berkongsi cerita serta menghasilkan bahan berita dan informasi dalam era kewartawan moden.

***Awani Rangers UTHM ialah inisiatif kerjasama strategik Astro AWANI dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.